

Demonstrasi bukan caranya selesai masalah — Mahathir

12 DEC 1977
GRIK 11 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat ber-demonstrasi bukanlah satu cara untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul.

Malah katanya, demonstrasi dilakukan di setengah-setengah negara di dunia itu tidaklah "cocok" diikuti oleh rakyat di negara ini, sekalipun Malaysia mengamalkan dasar demokrasi.

Berucap kepada penduduk-penduduk daerah Ulu Perak di Dewan Merdeka di sini petang ini, Timbalan Perdana Menteri menegaskan, rakyat tidak semestinya terikut-ikut dengan apa keadaan yang berlaku di Barat.

"Penduduk-penduduk Barat yang negara mereka mengamalkan dasar demokrasi tidak sama dengan keadan hidup di negara kita."

Beliau menambah, di Barat rakyatnya sudah mencapai kemajuan cukup pesat dengan rakyatnya pula selalu berdemonstrasi kadang-

kadang "main-main saja."

Beliau meminta rakyat supaya memelihara hubungan mesra yang wujud antara kaum-kaum yang ada sekarang.

Tambah beliau, adalah sesuatu yang boleh dibanggakan kerana rakyat telah boleh makan bersama dan duduk bersama sekalipun mereka berlainan keturunan.

"Rakyat harus menghargai hakikat yang wujud walaupun mempunyai pendapat yang berlainan," kata beliau.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu kalau ada timbul sesuatu masalah antara kaum, mereka hendaklah menyelesaikannya secara berbaik-baik sangka dan bukan secara membakar bangunan.

Menurutnya, cara hidup seperti itu berlaku di setengah-setengah negara, tetapi apa yang berlaku di negara tersebut tidak patut mesti berlaku pula di negara ini.

Katanya, kalau di negara itu mengamalkan demokrasi maka demo-

krasi mereka berlaku di negara yang cukup membangun.

"Kalau kita pula ikut-ikut mereka bererti kita akan rugi dan hancur," kata beliau.

Beliau gembira bandar Grik yang pada satu ketika dulu dianggap terpencil kini telah pesat dengan perubahan-perubahan pem-

Mahathir disambut meriah

12 DEC 1977
bangunan. Ini katanya, berpunca dari usaha gigih kerajaan dalam mengatur program pembangunan rakyat dan negara.

Beliau juga menyebut betapa Ulu Perak pada satu ketika nanti akan menjadi satu kawasan "sesak" terutama setelah projek lebuh raya Timur-Barat yang sedang di dalam pembinaan itu siap.

Timbalan Perdana Menteri yakin, kepesatan pembangunan Ulu Perak akan dinikmati oleh lain-lain penduduk di utara Malaysia Barat terutama Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Kelantan.

Timbalan Perdana Menteri yang diiringi oleh isterinya Datin Sri Dr. Hasmah sebelum ini telah melawat projek raksaksa Temenggur dan lebuh raya Timur-Barat.

Beliau yang tengah harinya mendarat dengan sebuah helikopter di sini, telah diberi sambutan meriah

dengan diarak oleh 50 buah motosikal terdiri dari ahli-ahli Pemuda UMNO Bahagian Grik dan berpuluh-puluh buah kereta dari Lapangan Terbang Tentera sambil penduduk-penduduk tempatan mengalu-alukan kedatangan Timbalan Perdana Menteri itu.

Turut mengiringinya, ialah Menteri Besar Datuk Sri Haji Wan Mohamad bin Haji Wan Teh dan isterinya, Setiausaha Kerajaan Perak, Encik Mohamad Khalil Haji Hussein, Panglima Briged Kedua Infantri Malaysia, Brigedier Jeneral Mohamad Daud Abu Bakar dan Ketua Polis Perak, Datuk Sri Yuen Yuet Leng.